

27/08/1998

Catuan air diteruskan

SHAH ALAM, Rabu - Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar berkata, catuan bekalan air di sesetengah kawasan bermasalah di Lembah Klang yang sebelum ini dilakukan selang sehari kini diubah apabila kawasan itu boleh mendapat bekalan air paip lebih panjang.

Abu Hassan berkata, bagaimanapun, itu tidak bermakna kerajaan negeri sudah menarik balik catuan bekalan air yang dilaksanakan sejak Mac lalu.

"Kita masih belum dapat memastikan bila akan menarik balik catuan bekalan air yang dilakukan sebelum ini walaupun sesetengah kawasan kini mendapat bekalan air lebih panjang," katanya kepada pemberita selepas majlis lawatan kerja Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Selangor, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya bila kerajaan negeri akan menarik balik catuan bekalan air di Lembah Klang berikutan hujan lebat sejak kebelakangan ini terutama di kawasan tadahan.

Abu Hassan berkata, kerajaan negeri berpendapat catuan belum boleh ditarik balik berikutan paras air di tiga empangan utama yang membekalkan air di Lembah Klang masih belum mencapai paras yang memuaskan.

Bagaimanapun, katanya, kajian setiap hari masih dilakukan sebelum memutuskan catuan itu ditarik balik.

"Catuan mungkin ditarik balik, sebaik sahaja paras air di empangan utama mencapai paras yang munasabah," katanya.

Sehubungan itu, orang ramai tidak perlu panik kerana walaupun kawasan di Lembah Klang masih dikenakan catuan, bekalan air paip yang disalurkan kepada pengguna kini boleh diperolehi setiap hari, berbanding selang sehari sebelum ini.

"Kita bersyukur kerana hujan lebat sejak kebelakangan ini membolehkan paras sungai meningkat sekali gus membolehkan loji penapis air menerima bekalan air secukupnya daripada sungai sebelum diproses," katanya.

(END)